

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji,
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

TABUNG HAJI SERAH ZAKAT PERNIAGAAN TH 2012 KEPADA JABATAN ZAKAT NEGERI KEDAH

ALOR SETAR, KEDAH, 18 November 2013 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menyerahkan zakat perniagaannya kepada Jabatan Zakat Negeri Kedah berjumlah RM3,460,121.68.

SPB Yang Di-Pertuan Agong Almuta'simu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al Marhum Sultan Badlishah telah berkenan menerima zakat tersebut bagi pihak Jabatan Zakat Negeri Kedah yang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Paduka Ismee Ismail, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** bertempat di Istana Anak Bukit, Alor Setar, Kedah.

Pengagihan zakat **TH** ini adalah sebahagian daripada perolehan keuntungan pendapatan yang dicatatkan oleh **TH** untuk tahun kewangan 2012. Jumlah zakat untuk Negeri Kedah bagi tahun 2012 ini telah meningkat sebanyak 4.9% berbanding RM3,297,105.03 bagi tahun 2011.

Pembayaran zakat **TH** adalah berdasarkan kaedah modal kerja terlaras yang dilaksanakan mengikut pengiraan tahun kewangan semasa. Jumlah keseluruhan zakat perniagaan **TH** untuk tahun kewangan 2012 yang telah dibayar kepada negeri-negeri di Malaysia adalah sebanyak RM41.2 juta.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut adalah YBhg. Dato' Syeikh Ghazali Bin Haji Yaacob, Setiausaha Jawatankuasa Zakat Kedah serta para pegawai **TH**.

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam operasi pengurusan Haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah perladangan, harta tanah, pembinaan, perbankan, teknologi maklumat, minyak & gas asli, pelancongan, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 119 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919.